

Bersatu mengharungi cabaran masa depan

SEMUA pihak perlu sedar betapa pada hari ini, kita sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ancaman yang cukup kritikal. Baik negara maupun rakyat pada zahirnya sedang meniti satu zaman yang mencabar kemampuan dan keupayaan di samping menguji daya ketahanan kita. Hakikatnya, hanya negara dan rakyat yang sanggup mengharungi cabaran dan dugaan yang mendatang saja mampu untuk bertahan dan terus ke hadapan terutamanya dalam persaingan memasuki liga negara maju.

Cabaran berkaitan ketidakstabilan ekonomi serta peningkatan mendadak kos sara hidup rakyat bukan lagi suatu perkara rahsia. Hakikatnya, ketidakstabilan prestasi ekonomi dunia jelas memberikan implikasi yang cukup besar kepada sesbuah negara terutamanya negara membangun seperti Malaysia. Tempias ketidakstabilan nilai mata wang serta kejatuhan harga minyak yang secara berterusan menunjukkan trend menurun menyebabkan kerajaan akhirnya terpaksa melaksanakan pengubahaian Bajet 2016.

Pengubahaian bajet yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berpaksikan kepada dua tunjang utama iaitu memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus kukuh dan kesejahteraan hidup rakyat terus terpelihara menjahirkkan komitmen pihak kerajaan untuk memastikan kadar pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya saing di samping memelihara dan mengekalkan kesejahteraan hidup rakyat. Ini adalah cabaran yang cukup besar kepada pihak pemerintah.

Di samping menguruskan masalah ekonomi, kerajaan juga perlu menjaga kesejahteraan rakyat. Realitinya rakyat sedang dihimpit dengan peningkatan kos sara hidup. Justeru diharap kerajaan dapat meruskan segala inisiatif yang baru diumumkan serta memastikan segala perancangan tersebut sampai ke golongan sasaran.

Dalam pada itu, sedar atau tidak dalam kita terlalu memikirkan



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

Cabaran ketidaktentuan politik ini perlu ditangani segera kerana kita khuatir kemuncak ketidakpuasan hati rakyat akan diterjemahkan dalam pilihan raya umum akan datang andai semua parti yang terlibat tidak memperbaiki segala kelemahan dan kekalutan yang sedang mereka hadapi.

masalah ekonomi negara dan kos sara hidup rakyat, kita juga sedang berhadapan pelbagai ancaman terhadap keselamatan negara dan juga rakyat. Pendedahan demi pendedahan oleh pihak berkuasa tentang penglibatan rakyat kita dalam kumpulan militan pengganas terutamanya pengganas militan (IS) cukup merisaukan. Ternyata bermula sejak zaman kumpulan militan Jemaah Islamiah (JI) sehingga ke zaman militan IS ini bilangan rakyat kita yang terpengaruh dan terlibat malah sanggup menjadi pengebom berani mati terus meningkat.

Antara statistik terkini yang didehdahkan menunjukkan seramai 46 rakyat ini disyaki menyertai kumpulan militan IS di beberapa negara bergolak seperti Syria dan dikatakan sangat berpotensi untuk menjadi pengebom berani mati di samping 18 telah terbunuh termasuk tujuh daripadanya dikesan terbabit sebagai pengebom berani mati.

Dan kita percaya mereka ini sebe-

narnya mula menjadi ancaman yang cukup besar kepada negara dan rakyat kita sendiri.

Hal ini kerana tidak mustahil mereka juga boleh melakukan serangan di negara ini sama seperti apa yang berlaku di Jakarta baru-baru ini. Maka, persoalannya sejauh mana kita bersedia menghadapi cabaran dalam bentuk ancaman keselamatan seperti ini? Kita berharap pihak berkuasa dapat terus menangkis segala ancaman daripada kumpulan militan seperti ini sekali gus memastikan keselamatan dan keamanan rakyat dan negara terus terpelihara.

Begitu juga halnya dengan cabaran dunia politik tanah air yang kelihatan semakin kompleks dan merunsingkan kita semua. Suhu politik yang semakin tidak menentu terus menceetuskan kegelisahan dalam kalangan rakyat. Hal ini kerana rakyat mahukan kestabilan politik yang sentiasa utuh. Kita tidak mahu warna warni dan ragam politik kepartian maupun perkauman terus menghantui masyarakat negara ini.

Menuju impian menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi sesungguhnya memerlukan sebuah kerajaan yang berwawasan, kuat, stabil dan kukuh. Untuk itu, kita memerlukan ahli politik yang berjiwa besar, adil, bijak dan profesional supaya dapat mengetepikan segala perbezaan ideologi, mengutamakan kepentingan rakyat dan negara serta dapat terus memacu kegemilangan negara.

Jelas situasi politik semasa juga kelihatan agak ketidaktentuan sama seperti persekitaran ekonomi negara. Justeru diharap ahli politik dapat hentikan segala drama dan juga persengketaan seterusnya memberi fokus sepenuhnya untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan rakyat.

Cabaran ketidaktentuan politik ini perlu ditangani segera kerana kita khuatir kemuncak ketidakpuasan hati rakyat akan diterjemahkan dalam pilihan raya umum akan datang andai semua parti yang terlibat tidak memperbaiki segala kelemahan dan kekalutan yang sedang

mereka hadapi.

Satu lagi isu yang terus menjadi duri dalam daging adalah aspek perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini yang berbilang agama dan bangsa. Selepas hampir 60 tahun kita merdeka isu pergelakan antara kaum masih terus berlaku.

Pergaduhan di Plaza Low Yat serta insiden membabitkan guru Melayu di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam Mersing misalnya adalah antara dua insiden yang tidak sepatusnya berlaku. Kejadian seperti ini sekali gus membuktikan betapa sentimen perkauman masih menyalah dalam kalangan segerintir rakyat negara ini yang masih gagal untuk menghayati semangat dan roh perpaduan yang telah diabadikan oleh generasi terdahulu.

Ringkasnya, tidak keterlaluan untuk dikatakan perpaduan kaum pada hari ini hanyalah senipis kulit bawang. Sedikit saja provokasi sudah cukup untuk mencetuskan pergaduhan antara kaum. Penulis berpandangan ini adalah antara cabaran cukup besar yang perlu ditangani segera.

Hakikatnya, bukan mudah untuk menguruskan sebuah negara yang berbilang agama dan bangsa seperti ini. Semoga kita dapat mengambil ikhtiar melalui beberapa insiden yang telah berlaku sebelum ini agar kita dapat berfikir dan bertindak dengan lebih waras dan matang.

Cabaran yang sedang dihadapi sekarang cukup kompleks. Ia memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak tanpa berbelah bagi. Baik pihak pemerintah, pembangkang, penjawat awam, pekerja swasta, pihak korporat maupun rakyat secara umumnya perlu melupakan segala persengketaan dan perbezaan ideologi supaya dapat memberi perhatian kepada cabaran-cabaran ini. Tatkal cabaran dan musuh semakin meningkat tidak wajar untuk kita sibuk bercakaran dan bersengketa sesama kita.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.